

D263

U B676 DEB
MAHATHIR - MEMBAZIR R R R

MIRI, 4 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ADALAH MENJADI FALSAFAH KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR SEBOLEH-BOLEHNYA LEBIH AWAL, SEBELUM KEPERLUAN MENDESAK.

KATANYA, LANGKAH SEDEMIKIAN BUKAN MERUPAKAN PEMBAZIRAN SEPERTI YANG DIANGGAP OLEH SESETENGAH PIHAK TETAPI ADALAH SATU PELABURAN TERUTAMA BAGI MENGHADAPI PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG SEMAKIN PESAT.

+KITA TIDAK MAHU APABILA SUDAH TERDESAK BARULAH HENDAK MEMBINA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG DIPERLUKAN+, KATANYA SEMASA MERASMIKAN LAPANGAN TERBANG BARU MIRI DI SINI.

LAPANGAN TERBANG ITU YANG BERTHARGA KIRA-KIRA \$17 JUTA MULA DIBINA PADA TAHUN 1982 DAN SIAP PADA 1985. KINI IA BERUPAYA MENGENDALIKAN KAPAL TERBANG SEBESAR BOEING 737 DAN BOLEH BEROPERASI PADA WAKTU SIANG DAN MALAM.

MENURUT PERDANA MENTERI LEBIH BAIK KERAJAAN MEMINJAM WANG UNTUK MENGADAKAN INFRASTRUKTUR LEBIH AWAL, SEBELUM KEPERLUANNYA TERDESAK DAN KOS PEMBINAANNYA TURUT MENINGKAT. -- LAGI.
2034MST 04 07 88

U B677 DEB
MAHATHIR - MEMBAZIR 2 MIRI

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI CONTOH LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG YANG TELAH DIRAMALKAN MENERIMA 400,000 PENUMPANG SETAHUN MENJELANG 1984 TETAPI PADA TAHUN ITU SAHAJA KIRA-KIRA TIGA JUTA PENUMPANG MENGGUNAKAN LAPANGAN TERBANG BERKENAAN .

BELIAU BERKATA INI MENUNJUKKAN JANGKAAAN YANG DIBUAT ITU TIDAK TEPAT DAN TEGURAN SEBELUM ITU YANG MENGATAKAN PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG BERKENAAN MERUPAKAN SATU PEMBAZIRAN ADALAH TIDAK BENAR.

KATANYA MEREKA YANG MENKRITIK PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG ITU KINI HANYA BERDIAM DIRI APABILA MELIHAT KEPERLUAN LAPANGAN TERBANG BERKENAAN MASIH TIDAK MENCUKUPI.

PERDANA MENTERI BERKATA KINI SUDAH TERDAPAT SATU FENOMENA DI NEGARA INI IAITU APA SAHAJA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN TERUTAMANYA UNTUK FAEDAH RAKYAT DAN NEGARA DIANGGAP TIDAK BETUL DAN SENTIASSA MENJADI BAHAN KRITIKAN.

KATANYA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBINA LAPANGAN TERBANG PADA MASA HADAPAN SESUAI DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN MASYARAKATNYA YANG KINI BANYAK BERGERAK SEPERTI MELANCONG ATAU UNTUK URUSAN PERNIAGAAN. -- LAGI.

2036MST 04 07 88

U B678 DEE
MAHATHIR - MEMBAZIR 3 MJRI

MENGENAI LAPANGAN TERBANG ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MIRI AKAN DAPAT MENDEKATKAN LAGI KEMAJUAN KE BANDAR ITU DAN PENDUDUKNYA KERANA IA AKAN MEMBAWA MANFAAT BUKAN SAHAJA KEPADA PARA PENUMPANG TETAPI JUAG INDUSTRI PERKHIDMATAN.

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD BERKATA DENGAN ADANYA LAPANGAN TERBANG ITU, MIRI AKAN MENJADI TUMPUAN PELBAGAI KAUM DAN INI AKAN MENIMBULKAN SEMANGAT KEUSAHAWANAN.

KATANYA USAHA JUGA HENDAKLAH DIBUAT BAGI MENGADAKAN KEMUDAHAN UNTUK TEMPAT-TEMPAT TUMPUAN PELANCONG DAN DALAM HUBUNGAN ITU KERAJAAN NEGERI SEDANG MERANCANG UNTUK MEMBINA LANDASAN TERBANG KE MULU.

MENTERI PENGANGKUTAN, DATUK DR LING LIONG SIK PULA BERKATA LAPANGAN TERBANG ITU AKAN MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM PERKEMBANGAN INDUSTRI PENGANGKUTAN UDARA DAN PELANCONGAN KHUSUSNYA SARAWAK SERTA MENJADI NADI KEPADA PERKHIDMATAN LUAR BANDAR DI NEGERI INI.

BELIAU BERKATA MENURUT KAJIAN KEMENTERIANNYA BARU-BARU, TRAFIK UDARA DI LAPANGAN TERBANG ITU AKAN TERUS MENGALAMI PERTUMBUHAN DAN BERADA DI PERINGKAT LAPAN PERATUS PADA BEBERAPA TAHUN AKAN DATANG.

MENURUTNYA PADA TAHUN 1960, LAPANGAN TERBANG ITU HANYA MENGENDALIKAN SEJUMLAH 4,910 PENUMPANG TETAPI JUMLAH ITU MENINGKAT KEPADA 501,967 PENUMPANG TAHUN LEPAS. -- BERNAMA.

2039MST 04 07 88